



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
MALAYSIA  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)  
Email: kp@dvs.gov.my



LAMPIRAN – LAMPIRAN  
BAGI SIARAN MEDIA  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR, MALAYSIA

BEKALAN TERNAKAN KORBAN PADA HARI RAYA AIDILADHA 2016

---

**LAMPIRAN 1**

**Tempat-tempat penyembelihan**

Sebanyak 26 buah rumah sembelih DVS di seluruh Semenanjung Malaysia sedia untuk beroperasi dan 10 buah daripada rumah sembelih berkenaan telah memenuhi syarat *Export Supply Chain Assurance System* [ESCAS] bagi tujuan penyembelihan ternakan daripada Australia. Disamping itu, Pada tahun 2016 DVS juga telah mengeluarkan lesen kepada 50 buah rumah sembelih ruminan swasta di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tujuan penyembelihan ternakan Qurban. Disamping itu **penyembelihan yang dilakukan di luar rumah sembelih** (contoh di masjid, sekolah, taman perumahan, tempat awam dan lain-lain) diberi kebenaran melalui permohonan **permit penyembelihan luar** yang boleh didapati di rumah-rumah sembelih Jabatan dan juga Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dan Daerah. Dokumen wajib yang perlu ada bagi semua ternakan untuk tujuan penyembelihan Qurban adalah **Akuan Kebenaran Pindah Ternakan** dan **Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)**.

## **LAMPIRAN 2**

### **Keperluan Ternakan untuk tujuan ibadah Qurban**

Pada tahun 2015, sebanyak **15,000 ekor ternakan ruminan besar** dan **10,000 ekor ternakan ruminan kecil** telah disembelih diseluruh Negara untuk tujuan ibadah Qurban. Pada tahun 2016 Jabatan ini menganggarkan 90% (**5,729 Masjid**) AJK Masjid akan menjalankan ibadah Qurban dengan andaian purata **3 ekor lembu dan 2 ekor kambing bagi satu masjid** yang akan melibatkan permintaan **sebanyak 17,187 ekor lembu dan 11, 458 ekor kambing /bebiri.**

Bagi **Surau pula dianggarkan 70% (12,464 surau)** AJK surau akan melaksanakan ibadah Qurban dengan andaian purata satu ekor lembu dan satu ekor kambing/bebiri yang akan melibatkan permintaan ternakan **sebanyak 12,464 ekor lembu dan 12,464 ekor kambing/bebiri.**

Mengambilkira keperluan mesjid dan surau permintaan ternakan bagi **ibadah Qurban tahun 2016 adalah dianggarkan sebanyak 29,651 ternakan lembu/kerbau dan 23,922 ekor ternakan kambing/bebiri.**

### LAMPIRAN 3

#### Bekalan Ternakan Qurban

Bekalan ternakan bagi sembelihan Qurban untuk tahun 2016 adalah terdiri dari beberapa sumber iaitu; bekalan ternakan yang diimport dari Thailand, dan Australia serta bekalan sedia ada dari ternakan tempatan dalam negara. Sejumlah **12,798 ekor lembu tempatan** , Import dari Thailand (Mei – Julai) **4,639 ekor** dan dari Australia (Mei-Julai ) **21, 938 ekor** yang berjumlah kesemuanya **39,375 ekor ternakan lembu yang boleh dibekalkan** . Bagi ternakan kambing/bebiri pula sebanyak **11,000 ekor kambing/bebiri tempatan** dan **28,694 ekor kambing/bebiri yang dimport dari Australia** , jumlah bekalan sedia ada adalah **sebanyak 39,694 ekor kambing /bebiri yang sedia untuk dibekalkan** semasa perayaan Hari Raya Qurban . Ini bermakna bekalan ternakan yang diimport dan bekalan ternakan tempatan (daripada projek filot, pawah serta ternakan integrasi) untuk ibadah Qurban **adalah mencukupi bagi tahun 2016.**

<b>Masjid</b>	<b>Lembu/Kerbau</b>	<b>Kambing/Bebiri</b>
Masjid berdaftar dengan JAKIM 6,365 (90% Masjid 5,729 menjalankn ibadah qurban)	<b>17,187</b> (3 ekor/Masjid)	<b>11,458</b> (2 ekor/Masjid)
<b>Surau</b>	<b>Lembu/Kerbau</b>	<b>Kambing/Bebiri</b>
Surau berdaftar dengan JAKIM 17,805 (70% Surau 12,464 menjalankn ibadah qurban)	<b>12,464</b> (1 ekor/Surau)	<b>12,464</b> (1 ekor/Surau)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>29,651</b>	<b>23,922</b>

**Jadual 1:** Anggaran Keperluan Qurban 2016

Lembu	Tempatan	Import Thai (Mei – Julai)	Import Aus (Mei - Julai)
<b>39,375</b>	<b>12,798</b>	<b>4,639</b>	<b>21,938</b>

  

Kambing	Tempatan	Import Thai (Mei – Julai)	Import Aus (Mei - Julai)
<b>39,694</b>	<b>11,000</b>	<b>0</b>	<b>28,694</b>

**Jadual 2:** Anggaran Bekalan Qurban 2016

## **LAMPIRAN 4**

### **Harga Ternakan Qurban**

Memandang kepada permintaan yang tinggi semasa ibadah Qurban dijalankan, tahun 2015 menunjukkan kenaikan sehingga 30% dari harga biasa ternakan hidup (RM12/kg berat hidup) kepada RM15/kg berat hidup menjadikan seekor ternakan dengan berat 200kg – 250kg bernilai RM3,000 – RM3,800 seekor. Bagi tahun 2016 ianya dijangka meningkat sehingga RM18/kg berat hidup menjadikan seekor ternakan qurban dengan berat 200 – 250kg bernilai antara RM3,600 hingga RM4,500 seekor. Harga ini masih tergantung kepada lokasi penghantaran yang melibat kos pengangkutan serta saiz ternakan (gred ternakan) bagi ternakan yang memiliki berat lebih dari 250kg (300 – 350kg) yang mana merupakan ternakan import Australia ianya akan mencecah nilai lebih dari RM5,500 seekor.

Disamping itu, Kesedaran awam perlu dipupuk bagi meningkatkan kefahaman yang jelas kepada semua yang terlibat dalam rantai penyembelihan ternakan Qurban. Justru, ia dapat memberi kesedaran kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti penyembelihan ternakan Qurban di rumah sembelih yang diluluskan atau berlesen termasuk premis atau lokasi sementara yang diluluskan oleh DVS bagi memastikan daging yang disembelih bersih dan selamat untuk dimakan.

Secara langsung ia dapat mengelakkan risiko jangkitan penyakit zoonotik di samping dapat meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan mengutamakan aspek kebersihan dan keselamatan dalam setiap aktiviti

penyembelihan ternakan Qurban tidak kira di mana ia dilakukan berdasarkan kepada Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Qurban yang telah dirangka oleh DVS.

***Disediakan oleh;***

**Bahagian Pembangunan Industri Hiliran  
Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia  
11 Ogos 2016**